

10 JUN 1996

Najib - Sains

LEBIH BANYAK KELAS SAINS DAN TEKNIKAL DI SEKOLAH AGAMA

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan mewujudkan lebih banyak kelas aliran sains dan teknikal di sekolah-sekolah menengah agama milik kerajaan persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak berkata, langkah itu ialah antara usaha mempergiatkan lagi perkembangan sains dan teknologi dalam sistem persekolahan serta mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran sains di sekolah.

"Kementerian mahu lebih ramai penuntut di negara ini menceburi bidang sains dan teknologi kerana bidang ini mempunyai peluang yang luas dan ia amat diperlukan oleh negara pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Reka Cipta kali kedua di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah di sini.

Selain memperbanyakkan kelas aliran sains, kementerian juga dalam proses menyusun dan menaikkan taraf sekolah-sekolah vokasional menjadi sekolah menengah teknik.

Najib berkata dalam usaha melahirkan ramai tenaga mahir dalam bidang perindustrian, dua mata pelajaran baru iaitu lukisan teknologi dan teknologi kejuruteraan telah mula diperkenalkan di sekolah menengah.

Dalam ucapannya, beliau berkata penggunaan robot dan perisian komputer tempatan harus dipertingkatkan dalam usaha mereka cipta.

"Malaysia tidak boleh lagi hanya menjadi penerima atau pengguna kepada teknologi dari luar negeri semata-mata sebaliknya harus menjadi pembekal atau pencipta teknologi terkini," katanya.

Ketika diminta mengulas cadangan Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Kuah, Datuk Seri Sanusi Junid agar sebuah universiti antarabangsa ditubuhkan di Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Najib berkata beliau belum menerima maklumat lanjut mengenai perkara itu.

"Sebelum ini ada ura-ura sebuah syarikat swasta tempatan untuk menubuhkan universiti di Pulau Langkawi tetapi kementerian belum menerima permohonan secara rasmi," katanya.

Sanusi yang ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim malam tadi sekembalinya dari Kuala Lumpur berkata, beliau telah mencadangkan penubuhan sebuah universiti antarabangsa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan baru-baru ini.

Menurut Sanusi, Perdana Menteri telah membawa cadangan itu kepada mesyuarat kabinet dan pada dasarnya kabinet bersetuju.

Dalam pertandingan reka cipta tahun ini, Sekolah Menengah Teknik Melaka menjadi johan kategori robotik hi-tech, manakala kategori robotik dimenangi oleh Sekolah Menengah Baling, Kedah. Sekolah Kamil, Pasir Puteh, Kelantan menjuarai kategori mekatronik.-- BERNAMA

MZM MAI